

# Ketengah-UniSZA jalin kerjasama

UTUSAN MALAYSIA  
27/11/2015

Oleh ISWAN SHAFIQ MAT ISA

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA TERENGGANU 26 NOV.

**S**ATU kerjasama strategik khususnya dalam bidang pendidikan dan pelancongan akan diwujudkan di antara Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) hasil permetraian memorandum persefahaman (MoU) di sini kelmarin.

Kerjasama itu melibatkan enam skop utama iaitu dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D); latihan industri, mobiliti dan sangkutan; pengajaran dan pembelajaran; pembangunan modal insan dan latihan; pembangunan agro pelancongan dan beberapa bidang lain yang dipersekutui bersama.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, kerjasama itu sebahagian daripada usaha kedua-dua belah pihak untuk memperkembangkan skop pelaksanaan tugas masing-masing memandangkan wilayah Ketengah dikatakan mempunyai potensi besar dari segi pelancongan, perdagangan, perindustrian dan keusahawanan untuk diketengahkan.

Beliau berkata, sehubungan itu,

pihak UniSZA juga difahamkan telah membuat permohonan tanah seluas 100 ekar atau kira-kira 40 ekar yang terletak di Zon Institusi di Tasik Kenyir bagi membangunkan sebuah Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Komuniti universiti tersebut.

"Justeru, secara dasarnya, kerajaan negeri telah bersetuju untuk meluluskan permohonan ini bagi membolehkan pusat berkenaan dibangunkan bagi memberikan manfaat kepada pembangunan negeri Terengganu dan rakyat secara umumnya," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani MoU berkenaan di Wisma Darul Iman di sini hari ini.

Pada majlis tersebut, UniSZA diwakili oleh Naib Canselornya, Prof, Datuk Dr. Yahaya Ibrahim manakala Ketengah pula diwakili Pengurus Besarnya, Datuk Wan Mat Amin Wan Daud.

Antara teras yang akan diberi tumpuan hasil kerjasama Ketengah dan UniSZA ialah pembangunan kawasan pelancongan dan perdagangan utama dalam Wilayah Ketengah iaitu sebanyak RM22.5 juta; pembangunan Ketengah sebagai pusat pendidikan, perniagaan dan perkhidmatan (RM17.25 juta) dan

pengeluaran makanan dan industri hiliran (RM8.1 juta).

Turut diberikan tumpuan ialah pembangunan bandar warisan dan rekreasi iaitu sebanyak RM6 juta, pembangunan pertumbuhan baharu (penempatan dan industri kecil dan sederhana atau IKS) dengan peruntukan sebanyak RM5.5 juta serta pembangunan perindustrian dan IKS serta pembangunan kampung tradisional dengan masing-masing diperuntukkan sebanyak RM3 juta dan RM5 juta.

Jelasnya, menerusi kerjasama itu, kedua-dua pihak yakin dapat memajukan lebih banyak potensi berdasarkan kepada sumber yang ada di wilayah Ketengah serta kepada yang ada di pihak UniSZA.

"Potensi itu termasuklah pembangunan usahawan dalam pelbagai bidang, pembangunan habunggas iaitu ayam dan puyuh, pembangunan pelancongan di Tasik Kenyir, pembangunan hab pendidikan di Bandar Al-Muktafi Billah Shah; pembangunan bandar warisan di Bukit Besi dan pembangunan perindustrian dan usahawan. IKS, pembangunan perumahan termasuk untuk generasi kedua, pembangunan kampung tradisional dan pembangunan modal insan," katanya.



WAN AMIN WAN DAUD (kiri) bersalam dengan Yahaya Ibrahim (kanan) sambil disaksikan Ahmad Razif Abdul Rahman (tengah) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Datuk Osman Muda selepas majlis menandatangani MoU antara Ketengah dengan UniSZA di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, baru-baru ini.